

Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah Selangor

Jamiyah al-Da'wah al-Islamiyyah atau Persekutuan Seruan Islam Se-Tanah Melayu, dahulunya berpusat di Singapura dan mempunyai cabang-cabangnya di tanah Melayu ini seperti di Melaka, Selangor, Perak, Pahang dan Terengganu. Begitulah ia berjalan dengan pertadbiran masing-masing yang dijalankan oleh masing-masing daerah. Apabila Singapura keluar dari Malaysia, maka segala pertadbirannya pun berubah dengan sendirinya. Jamiyah yang sejenis undang-undang dasarnya dahulu, terpaksa pula disusun semula. Jamiyah Selangor telah pun meminda undang-undang dasarnya yang dengannya tidak ada lagi hubungannya dengan Jamiyah Singapura selain daripada hubungan mahabbah yang tidak boleh diputuskan.

(Oleh penulis khas Qalam)

Kedadaan ini membawa kesedaran ahli-ahli Jamiyah di seluruh Malaysia, dan dengan kerana itu di atas ajakan daripada Jamiyah Melaka meminta Jamiyah Selangor mengadakan perjumpaan di antara Jamiyah-Jamiyah negeri. Dan akhirnya pada 10 Oktober 1968 terlaksanalah suatu perjumpaan Jamiyah seluruh Malaysia yang bersejarah, iaitu dengan datangnya wakil-wakil dari Jamiyah Melaka, Perak dan Selangor di dalam perjumpaan itu, sedang Terengganu dan Pahang meminta uzur kerana orang-orang mereka terikat dengan keadaan-keadaan yang memaksa.

Jamiyah, yang dianggotai oleh semua pihak yang beragama Islam baik apa pun fahaman politiknya, UMNOkah, PASKah DAPkah, atau sesiapa jua yang mahu bekerja kerana maslahat agama Islam yang menghidupkan *da'wah Islamiyyah* telah berhimpun, duduk semeja bersama-sama di dalam persidangan untuk berunding dengan perasaan penuh ramah mesranya.

Sebagai tuan rumah, Tuan Syed Nasir bin Ismail bin Shahab (juga Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka). Telah memberi ucapan alu-aluan betapa mustahaknya

ada hubungan dan bersefahaman di antara Jamiyah-Jamiyah di Malaysia, kerana selama ini, masing-masing mereka tidak dapat memberikan dan membentang hal-hal dan kemajuan atau perjalanan masing-masing supaya dapat menjadi teladan dan cermin kepada pihak yang lain. Serta pula kalau suara Jamiyah itu disatukan di dalam sesuatu masalah yang berbangkit dengan sebulat suara nescaya kepercayaan orang terhadap Jamiyah bertambah kuat.

Setelah berbincang dengan panjang lebar di dalam suasana ramah mesra dan membentangkan perihal pergerakan-pergerakan Jamiyah di masing-masing negeri yang berjalan, maka akhirnya mereka bersetuju ditubuhkan "Majlis Perhubungan Persekutuan Seruan Islam Malaysia" dengan dianggotai oleh tiga orang bagi mewakili sesebuah negeri dan Jamiyah Selangor adalah sebagai setiausaha majlis itu.

Perbahasan telah timbul mengenai dengan tatasusila di negara ini. Penerbitan-penerbitan lucah berlaku dengan hebatnya, sedang undang-undang terhadapnya masih dipakai mengikut kaedah undang-undang Barat yang memandang bahawa gambar-gambar lucah

yang tidak mendedahkan barang asli itu dipandang melanggar undang-undang mengikut undang-undang Barat tetapi bagi orang-orang Timur gambar-gambar yang sedemikian bukan sahaja kurang manis, tetapi juga bertentangan dengan kebudayaan dan agama mereka. Jadi yang di Barat itu tidaklah patut dibawa ke Timur.

Menurut perbahasan yang berlaku, mereka mengingatkan bahawa parlimen dan negeri telah mengambil keputusan bahawa di dalam istiadat-istiadat negara minuman-minuman keras tidak boleh dihidangkan, tetapi sangat mendukacitakan bahawa keputusan itu nampaknya hanya sebagai keputusan sahaja – tidak dijalankan.

Demikian juga telah timbul perbahasan perkara pegawai-pegawai kerajaan Islam membuka tempat-tempat beribadah agama lain. Mereka memandang bahawa mereka tidak mengacau dasar kerajaan atas “kebebasan” beragama, tetapi mereka sangat-sangat berkeberatan melihat pegawai-pegawai Islam diutus untuk pergi membuka tempat peribadatan lain-lain agama, kerana perkara ini boleh menular kepada lain-lain perkara. Sekiranya kerajaan hendak membuka dengan rasmi sebuah tempat beribadah lain-lain agama maka serahkanlah urusan ini kepada pegawai-pegawai kerajaan yang seagama dengan mereka.

Akhirnya, Jamiyah, sebagai badan sukarela dengan segenap kemampuan dan kesanggupannya berusaha melatih guru-guru agama di masing-masing negeri supaya pengajaran-pengajarannya teratur dan sempurna dan dapat menjalankan dakwah Islam dengan bersungguh-sungguh sedaya upaya dan sekadar kemampuan mereka.

Akhirnya majlis itu mengambil satu kata sepakat yang mengandungi beberapa keputusan:

1. Memandang berat atas kemerosotan tatasusila dan kesucian Islam sebagai agama rasmi negara ini.
2. Mendesak kerajaan mengkaji semula undang-undang penerbitan lucah dengan tujuan supaya diperketatkan lagi.
3. Mendesak kerajaan melaksanakan keputusan Parlimen supaya tidak mengadakan minuman keras dalam jamuan rasmi.
4. Mendesak kerajaan supaya menegah umat Islam membuka dengan rasmi gereja dan lain-lain rumah berhal.
5. Tiap-tiap Jamiyah berusaha supaya melatih guru agama di masing-masing negeri supaya pengajarannya teratur dan sempurna.

Mesyuarat bersetuju supaya diadakan pertemuan sekurang-kurangnya enam bulan sekali dengan beralih-alih tempat, dan pertemuan kali yang kedua akan diadakan di Perak – dan Perak akan menjadi tuan rumah. Majlis hari itu dipengerusikan oleh Tuan Haji Ghazali Mufti Selangor sebagai sifatnya Naib Yang Dipertua Jamiyah Selangor.

Membetulkan Kesilapan

Di ruangan 1001 Masalah Qalam

bilangan 217 yang lalu ada sedikit kesilapan tentang nas ḥadith Rasulullah *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*. Hadith tersebut hendaklah dibaca demikian:

“Idhā māta ibnu Ādama inqāṭa ‘a ‘amaluhu illā min thalāth: ṣadaqatin jariyah, ‘ilmīn yuntafa‘u bih, wa waladun ṣāliḥun yad’ū lah”.

Pengarang.